



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 25/1976**

*Tugas Pemungut Dalam Penilaian Harga Tanah-tanah milik*

Surat pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut Hasil Tanah mengenai kerja menilai harga tanah-tanah milik.

2. Pemungut mempunyai tugas untuk menilai harga mana-mana tanah milik dalam melaksanakan kuasa yang diberi kepadanya di bawah sesuatu undang-undang bertulis seperti di bawah seksyen 4(5) Small Estate (Distribution) Act, 1955 dan di bawah seksyen 12(1) Land Acquisition Act, 1960. Penilaian harga tanah adalah satu perkhidmatan yang diberi setelah mendapat sesuatu bayaran baginya. Pejabat Tanah tidak mempunyai pegawai yang berkelayakan untuk memberi perkhidmatan yang demikian kepada orang awam dan mereka perlulah memperolehi perkhidmatan penilaian itu dari punca-punca lain. Jika Pemungut menerima sesuatu permintaan dari tuan tanah atau dari seorang lain supaya menilai sesuatu tanah milik ianya tidaklah boleh menjalan tugas itu. Amalan memberikan pendapat mengenai nilai tanah milik untuk membantu seseorang mendapatkan pinjaman dari bank dengan menggunakan tanah itu sebagai cagaran adalah dianggap tidak teratur. Pemungut hendaklah menolak permintaan supaya pendapatnya diberi mengenai nilai sesuatu tanah milik dengan alasan ianya tidak berkuasa berbuat demikian.

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini dinasihatkan supaya tidak memberi pendapat mereka kepada orang awam berkaitan dengan harga pasaran mana-mana tanah milik untuk apa-apa jua pun.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

P.T.TM 252/6-31

Kuala Lumpur